

Bil.(9) dlm.PWN.Sel. (P) 869/4/1 Jilid 2



Semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,  
Semua Ahli Dewan Negeri,  
Semua Pegawai Daerah,  
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR  
BILANGAN 5 TAHUN 2013 : GARIS PANDUAN PENGGUNAAN  
PERUNTUKAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI DAN  
AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini dikeluarkan adalah untuk meminda dan memaklumkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal bagi penggunaan Akaun Khas peruntukan AMMKN dan ADN di setiap Pejabat

Daerah mengenai jumlah agihan (peratusan) penggunaan peruntukan.

## **LATAR BELAKANG**

2. Setiap tahun AMMKN dan ADN diperuntukkan sebanyak RM800,000.00 dan RM600,000.00 setiap seorang. Penggunaan peruntukan adalah seperti di para 6.1 pada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2013 Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor.
3. Para 6.1 (ii), (iii) dan (iv) setiap AMMKN dan ADN dibenarkan untuk melaksanakan projek-projek kecil dan program berbentuk kemasyarakatan serta sumbangan dengan nisbah 50:50.

## **AGIHAN PERBELANJAAN**

4. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 4/2014 yang diadakan pada 29 Januari 2014 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 5/2014 pada 5 Februari 2014 telah memutuskan semua perbelanjaan untuk Projek Kecil Pembangunan adalah pada kadar minimum 30% dan Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai serta Program Mesra Rakyat tidak boleh melebihi 70%.
5. AMMKN dan ADN adalah digalakkan untuk melaksanakan projek-projek kecil melebihi 30% daripada jumlah peruntukan yang disalurkan. Penetapan kadar tersebut dibuat adalah bagi

merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti kemudahan awam melalui komitmen menyediakan infrastruktur awam dan infrastruktur asas yang dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat di kawasan masing-masing.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 5 Tahun 2013 Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S., S.I.S.**

Pegawai Kewangan Negeri

Selangor Darul Ehsan

Tarikh: **27** Februari 2014

### **Salinan kepada:**

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)